

BAB TIGA

BAB KETIGA

ORGANISASI KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA SEJARAH DAN PERANAN PENTADBIRANNYA

PENDAHULUAN

KAGAT ditubuhkan dengan matlamat agar penerapan nilai-nilai Islam yang dikehendaki oleh pihak kerajaan dalam ATM dapat berjalan dengan sempurna. Kalau diukur dari segi umurnya, maka sudah tentu ianya masih terlalu muda jika hendak dibandingkan dengan usia kor-kor lain yang terdapat di dalam Tentera Darat.¹ Namun demikian KAGAT sudah menampakkan peranannya dalam melakukan beberapa perubahan terhadap gejala negatif yang berlaku di dalam ATM. Penerapan nilai-nilai Islam di dalam ATM juga telah mendapat tempat yang sewajarnya hasil daripada usaha KAGAT dalam memberikan kefahaman sebenar agama Islam terhadap warga tentera.

Di dalam bab ini penulis akan mengkaji sejauhmanakah peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT di samping aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan etika kerja dan akhlak setiap individu dalam tentera. Ini adalah kerana kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi di dalam tugasnya banyak bergantung kepada dasar akhlak yang baik serta etika kerja yang kemas dan menepati apa yang dikehendaki oleh Islam. Jika dilihat kepada motto KAGAT sendiri iaitu

"Berjuang Berakhlak" jelas kepada kita bahawa antara perkara yang diperjuangkan oleh KAGAT ialah memastikan warga tentera memiliki akhlak yang sempurna di dalam kehidupan sehariannya di samping itu mereka juga menjadi tonggak kepada kekuatan organisasi ketenteraan di Malaysia.

Di antara perkara-perkara yang akan dikaji dan dilihat oleh penulis di dalam bab ini ialah :

- a. Membicarakan perkara yang berkaitan dengan sejarah penubuhan KAGAT.
- b. Membahaskan Struktur Organisasi KAGAT kerana organisasi yang mantap akan melahirkan mutu kerja yang berkualiti.
- c. Sukatan Pendidikan Islam yang menjadi teras pengajaran kepada warga tentera.
- d. Peranan ILMI dalam membentuk akhlak warga tentera.
- e. Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM dalam PMAT 9/91 serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di dalam membangunkan minda dan nilai murni anggota tentera.

3.1 SEJARAH PENUBUHAN KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum daripada ini bahawa Perkhidmatan Agama dalam Angkatan Tentera Malaysia telahpun wujud semenjak daripada awal lagi iaitu serentak dengan penubuhan Askar Melayu Percubaan Pada tahun 1933. Ianya telah dipelopori oleh angkatan-angkatan lama yang dikenali sebagai Guru Agama Awam Tentera. Keperluan kepada perkhidmatan agama dalam angkatan tentera sentiasa mendapat perhatian daripada pihak atasan cuma peranannya agak lebih meluas jika hendak dibandingkan dengan peranan yang telah dimainkan oleh angkatan-angkatan lama yang terdahulu. Dalam erti kata lain perkhidmatan agama dalam ATM perlu lebih bersifat "*militarization*" sesuai dengan perkembangan dan kemajuan ATM pada masa kini.

Bagi mencapai matlamat ini, maka pada tahun 1979 satu pandangan berkenaan dengan betapa perlunya penubuhan Kor Agama telah disuarakan oleh YB Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud yang ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan. Namun demikian idea tersebut hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1981 apabila YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia. Beberapa perbincangan lanjut di antara pihak Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah dibuat bagi merealisasikan penubuhan ini. Akhirnya dengan persetujuan semua pihak maka pada 24 Jun 1980 Majlis Angkatan Tentera melalui persidangannya kali yang ke-197 telah bersetuju untuk menubuhkan Kor Agama Angkatan Tentera atau ringkasnya KAGAT.²

Langkah seterusnya yang telah diambil ialah meluluskan warden penubuhan KAGAT Pada 19 April 1982 oleh Majlis Angkatan Tentera Malaysia.³

Hasil daripada keputusan mesyuarat Panglima-Panglima Angkatan Tentera yang ke 197, maka satu memorandum telah dihantar kepada pihak istana bagi mendapat persetujuan dan limpah perkenan DYMM Yang DiPertuan Agong sebagai Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia. Pada masa itu jawatan Yang Dipertuan Agong disandang oleh Sultan Johor. Setelah mendapat persetujuan dan perkenan daripada baginda maka satu tarikh telah ditentukan bagi menubuhkan KAGAT secara rasmi. Akhirnya penubuhan KAGAT menjadi kenyataan setelah satu tahun memorandum penubuhan KAGAT dihantar kepada Yang Dipertuan Agong. KAGAT telah ditubuhkan secara rasminya setelah ianya mendapat perkenan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong sebagai Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia pada 16 April 1986⁴ di Kuala Lumpur dan ianya diiktiraf sebagai Kor yang ke-16 dalam Tentera Darat Malaysia yang akan memberikan perkhidmatannya meliputi kepada ketiga-tiga cabang perkhidmatan dalam ATM.⁵

3.2 OBJEKTIF PENUBUHAN KAGAT DALAM ATM

Sebagai kor yang dipertanggungjawabkan untuk membina akhlak dan minda warga tentera maka sudah semestinya penubuhan KAGAT ini mempunyai beberapa objektif dan misi yang ingin dicapai bagi menjamin apa yang diharapkan hasil daripada penubuhan kor ini menjadi kenyataan dan seterusnya akan membawa hasil. Di sana terdapat beberapa faktor utama yang

mendorong ke arah penubuhan KAGAT di antaranya ialah bagi meneruskan kesinambungan perjuangan Guru Agama Awam yang sebelum daripada ini merupakan badan keagamaan yang bergerak aktif di dalam ATM. Mereka adalah golongan veteren yang sudah terlalu lama berkhidmat dalam ATM. Dengan tertubuhnya KAGAT maka tugasan mereka telah diambil sepenuhnya oleh KAGAT dalam menguruskan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal keagamaan dalam ATM.

Termasuk juga dalam perkara-perkara yang menjadi objektif dan matlamat penubuhan KAGAT ialah untuk menyelesaikan masalah-masalah pentadbiran agama Islam mengikut perundangan-perundangan yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa khususnya dalam hal-hal syariah dan hubungkait di antara ATM dengan masyarakat awam, berusaha mengendali dan mengurus apa jua perkara yang didapati perlu oleh pihak yang berkuasa demi kebaikan dan perkembangan agama Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia, membantu dan menyelaraskan persefahaman di antara ATM dengan Majlis Agama Islam serta Jabatan Agama Persekutuan dan Negeri-Negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan, menyediakan bahan-bahan bacaan Islam bagi menambah pengetahuan Islam di kalangan anggota dan keluarga ATM dan perkara paling utama sekali yang menjadi objektif kepada penubuhan KAGAT ialah bagi memastikan pengurusan masjid dan surau dalam ATM dapat berjalan dengan lancar dan teratur.⁶

Hasil daripada penugasan yang begitu banyak inilah maka pihak kerajaan merasakan perlu diwujudkan kor agama dalam angkatan tentera agar proses pentadbiran yang melibatkan hal ehwal keagamaan dapat diuruskan dengan lebih sempurna lagi.

3.3 PERANAN DAN TUGAS KAGAT DALAM ATM

Pada dasarnya penulis membahagikan peranan dan tugas anggota KAGAT dalam ATM dapat dibahagikan kepada dua tugas utama iaitu tugas umum dan tugas khusus.⁷ Tugas umum ialah penugasan ketika aman dan tugas khusus pula ialah penugasan ketika berlakunya peperangan. Kedua-dua situasi tersebut merupakan dua keadaan dan suasana yang amat berbeza tanggungjawab dan peranannya. Antara perkara yang dilakukan oleh anggota KAGAT ketika suasana negara berada dalam keadaan aman ialah memastikan keperluan dan kebajikan anggota tentera dari sudut keagamaan dapat ditunaikan dengan sempurna. Ianya meliputi perkara yang melibatkan pentadbiran Pejabat Agama Pasukan, urusan kekeluargaan seperti pernikahan, perceraian dan rujuk. Menguruskan perkara kebajikan seperti kematian, menziarahi pesakit seterusnya memberikan pelajaran agama kepada anggota tentera, kaum ibu, kanak-kanak dan juga melaksanakan tugas di kawasan operasi dalam perkara-perkara yang melibatkan hal-hal keagamaan seperti mendirikan solat jemaah dan mengutip zakat sekiranya operasi tersebut berlaku di dalam bulan Ramadan.⁸

Secara terperincinya skop dan bidang tugas KAGAT ketika aman dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu :⁹

3.3.1 Menguruskan Urusan Pejabat

Pengurusan pejabat agama akan diketuai oleh seorang anggota KAGAT yang paling kanan.¹⁰ Dia akan dibantu oleh beberapa anggota KAGAT yang lain mengikut kekuatan perjawatan KAGAT yang wujud di pasukan tersebut. Mereka akan berada di pejabat agama pada sebilang masa bagi menangani sebarang masalah yang timbul di samping memastikan segala arahan yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran agama yang datang dari peringkat atasan dapat dilaksanakan dengan betul sebagaimana yang dikehendaki.

3.3.2 Menguruskan Hal-Hal Kekeluargaan

Semenjak tertubuhnya Askar Melayu Percubaan pada 1hb Mac 1933 pihak pentadbiran tentera di bawah Kerajaan British amat menitikberatkan agar kebijakan keluarga tentera yang melibatkan hal ehwal keagamaan dapat diuruskan dengan baik dan sempurna. Ini adalah kerana masalah sentimen agama masih lagi menebal dalam masyarakat Melayu pada ketika itu. Apabila negara sudah mencapai kemerdekaan dan KAGAT telah ditubuhkan secara resmi di dalam ATM maka semua perkara yang melibatkan masalah

pernikahan, perceraian, rujuk, nafkah dan perkara-perkara lain yang berkaitan kekeluargaan telah ditangani dan disempurnakan oleh anggota KAGAT. Nama-nama anggota tentera yang akan berkahwin, bercerai, rujuk dan sebagainya mestilah melalui proses Pejabat Agama masing-masing. Anggota tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya dalam hal-hal yang melibatkan kekeluargaan.

3.3.3 Menguruskan Hal-Hal Kematian

Apabila berlakunya sesuatu kematian di dalam pasukan ataupun unit dalam tentera maka secara spontan tanggungjawab tersebut akan diambil alih oleh anggota KAGAT bagi menguruskan jenazah tersebut bermula daripada kematiannya sehinggalah jenazah tersebut selamat dikebumikan. Ringkasnya dapatlah penulis nyatakan di sini bahawa segala tuntutan fardhu kifayah terhadap mayat tersebut mestilah dilaksanakan oleh anggota KAGAT selaras dengan kehendak ajaran Islam.

Tugas melaksanakan tanggungjawab yang sedemikian merupakan amanah yang tidak mungkin mampu untuk dilaksanakan oleh setiap orang. Ianya memerlukan kepada ilmu dan kemahiran yang tertentu. Di sinilah anggota KAGAT begitu berperanan dalam tugasnya kerana tanggungjawab yang sedemikian tidak mampu untuk dilaksanakan oleh mereka yang tidak mempunyai latar belakang agama yang mencukupi. Begitu juga dalam urusan

pengkebumian, anggota KAGAT dikehendaki mengiringi jenazah hingga ke tempat pengkebumian. Mereka akan mengadakan upacara keagamaan dan istiadat ketenteraan sehinggalah segala urusan selesai. Sebenarnya tugas anggota KAGAT dalam urusan kematian bukan hanya terhad kepada anggota tentera sahaja tetapi mereka juga terlibat dalam menguruskan urusan kematian yang melibatkan anak-anak dan waris terdekat yang tinggal bersama dengan warga tentera tersebut.

3.3.4 Pengurusan Kelas Muqaddam Kanak-Kanak

Sebagaimana yang telah menjadi tradisi semenjak zaman penjajah lagi bahawa setiap pasukan yang dianggotai oleh orang melayu akan disediakan perjawatan Guru Agama, Imam dan Bilal. Situasi yang sedemikian berkekalan hingga ke hari ini, cuma tugas tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya oleh anggota KAGAT. Selain daripada tugas-tugas yang melibatkan warga tentera, mereka juga dipertanggungjawabkan untuk mengajar Muqaddām dan al-Qurān untuk anak-anak anggota tentera dan termasuk juga anak-anak pekerja anggota awam yang berkhidmat di bawah Kementerian Pertahanan. Kebiasaannya kelas-kelas Muqaddām dan al-Qurān diadakan di surau-surau ataupun di tempat-tempat tertentu yang telah disediakan oleh pasukan masing-masing.

3.3.5 Penglibatan Dalam Tugas Operasi

Tugas sebagai warga tentera sebelum era kejatuhan Komunis dan pembubaran Parti Komunis Malaya pada tahun lapan puluhan memanglah begitu mencabar. Di antara tugas yang mesti dilaksanakan oleh tentera pada ketika itu ialah operasi menghapuskan musuh negara khususnya Parti Komunis Malaya. Ini secara langsung telah melibatkan peranan anggota KAGAT pada masa itu. Kehadiran mereka dalam sesuatu operasi amat diperlukan kerana mereka dipertanggungjawabkan untuk menguruskan jenazah apabila berlaku kematian terhadap warga tentera kerana diserang komunis ataupun terkena jerangkap samar. Tugas mereka pada ketika itu ialah menyempurnakan segala tuntutan Fardhu Kifayah di medan, mengiringi jenazah pulang ke Markas Pasukan dan yang terakhirnya mengiringi jenazah tersebut pulang ke kampung halamannya untuk disemadikan di tanah perkuburan.¹¹

Selain daripada tugas menguruskan jenazah di perbatasan, mereka juga bertanggungjawab memberikan sokongan moral dan motivasi kepada anggota tentera ketika berlakunya perang. Walaupun mereka tidak bersama-sama meredah hutan belantara mencari musuh tetapi mereka ditempatkan di '*Head Quarters*' atau Markas Operasi Pasukan.¹² Di sanalah mereka akan melakukan sebanyak mungkin aktiviti keagamaan seperti mendirikan solat secara berjemaah, kuliah-kuliah agama dan aktiviti-aktiviti

yang mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t.). Sejarah telah membuktikan bahawa peranan KAGAT telah melangkah lebih jauh lagi daripada itu apabila mereka turut sama terlibat dalam penugasan Pasukan Pengaman PBB yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia di serata dunia.¹³

Selain daripada penugasan ketika aman sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, anggota KAGAT juga perlu berperanan ketika negara mengalami kancan suasana peperangan. Tugas anggota KAGAT ketika suasana yang sedemikian agak berbeza dengan penugasan mereka ketika aman. Di dalam penulisan ini penulis akan membentangkan beberapa peranan yang akan dimainkan oleh KAGAT apabila terjadinya situasi yang sedemikian. Di antara tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh mereka ialah mengadakan majlis bacaan doa selamat sebelum peperangan bermula jika keadaan yang wujud pada ketika itu mengizinkan majlis tersebut dibuat.¹⁴ Seterusnya anggota KAGAT yang berada di lokasi tersebut dikehendaki menerangkan kepada anggota tentera yang terlibat prinsip dan matlamat peperangan dalam Islam agar niat dan *nawatu* mereka betul dan bertepatan dengan kehendak Islam.¹⁵ Kefahaman yang sedemikian amat perlu diberikan penerangan kerana jika silap penafsiran mereka terhadap peperangan maka akan rugilah mereka jika ditakdirkan mereka gugur di medan tersebut.

Dalam situasi peperangan yang hampir akan berlaku, anggota KAGAT dikehendaki sentiasa memberikan dorongan dan semangat jihad yang jitu kepada warga tentera di samping sentiasa memberikan dorongan dan motivasi bahawa perjuangan ini suci dan mereka hendaklah sentiasa berserah dan bertawakal kepada

Allah (s.w.t.) Di sini juga peringatan perlu diberikan kepada warga tentera agar mereka sentiasa menjaga adab-adab di dalam peperangan seperti tidak boleh membunuh tawanan, jangan menyiksa tawanan, jangan membunuh kanak-kanak, wanita dan orang tua, jangan memperkosa tawanan, jangan merosakkan rumah ibadat dan jangan sekali-kali memusnahkan tanaman dan tumbuhan.¹⁶

Bagi menambahkan keakraban hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.) dalam situasi yang amat getir ini maka anggota KAGAT dipertanggungjawabkan untuk memberikan tunjuk ajar kepada warga tentera kaifiat dan cara pelaksanaan solat di medan peperangan. Mereka dikehendaki mengimami setiap solat yang dilakukan di samping mengajar mereka cara untuk *menjamak* dan *menggasarkan* solat ketika berada di dalam situasi peperangan.¹⁷ Kefahaman yang sedemikian perlu ditekankan oleh anggota KAGAT kerana ditakuti mereka akan terkorban di dalam keadaan tidak melaksanakan solat. Maka KAGAT amat perlu memainkan peranan secara maksima pada ketika dan situasi yang sedemikian.

Apa yang dinyatakan oleh penulis di atas merupakan peranan yang perlu dimainkan oleh anggota KAGAT ketika berada di dalam keadaan suasana peperangan yang masih belum lagi berlaku. Apabila peperangan sudah ataupun sedang berlaku maka peranan KAGAT menjadi semakin rumit. Mereka akan dipertanggungjawabkan untuk mengurus anggota tentera yang terbunuh bermula daripada awalnya sehingga ianya dikebumikan. Terdapat sedikit perbezaan pengurusan jenazah yang akan dilakukan oleh anggota KAGAT ketika berada di

medan pertempuran jika dibandingkan ketika berada di dalam suasana aman. Dalam keadaan suasana peperangan, pengurusan jenazah perlu dilihat dari sudut fizikal mayat tersebut.

Sekiranya mayat tersebut dalam keadaan sempurna maka segala urusan yang berkaitan dengan jenazah tersebut perlu disempurnakan sebagaimana ketika aman. Sebaliknya jika mayat tersebut berada dalam keadaan uzur akibat terkena tembakan, pengeboman dan sebagainya maka mayat yang sedemikian rupa perlu diuruskan dalam keadaan yang paling minima iaitu cukup sekadar ditayammumkan sahaja tanpa ianya dimandikan.¹⁸ Begitu juga ketika mayat tersebut hendak dikapankan, mustahil dalam keadaan peperangan kita mampu untuk berbuat sebagaimana yang dilaksanakan ketika aman. Maka antara jalan yang paling mudah pada ketika itu ialah menggunakan apa sahaja yang dianggap suci untuk dijadikan kain kapan. Ianya boleh dilakukan samada dikapan dengan kulit ataupun rumput. Sekiranya tidak boleh juga maka hendaklah ianya dikapan dengan lumpur sahaja.¹⁹ Keadaan yang sedemikian boleh berlaku apabila suasana yang wujud pada ketika itu begitu kritikal dan tidak memungkinkan pengurusan jenazah dapat dilakukan dengan sempurna oleh anggota KAGAT.²⁰

3.4 STRUKTUR ORGANISASI KAGAT

Bagi melihat kekuatan yang ada pada organisasi KAGAT maka penulis merasakan perlu untuk melihat kekuatan sebenar anggota KAGAT di seluruh Malaysia. Penulis telah berusaha untuk mendapatkan kekuatan sebenar anggota KAGAT yang sedang berkhidmat di darat, laut dan udara. Hasil daripada analisis dan kajian yang dibuat oleh penulis maka dapatlah diketahui bahawa struktur perjawatan KAGAT yang telah diluluskan oleh pihak JPA di awal penubuhannya ialah seramai 7 orang Pegawai dan 254 anggota Lain-Lain Pangkat. Pada tahun 1987 ianya telah menunjukkan peningkatan keanggotaan kepada 43 orang pegawai dan 277 lain-lain pangkat. Pada tahun 2001 pula ianya bertambah kepada 162 orang pegawai dan 856 lain-lain pangkat.²¹ Dengan jumlah warga KAGAT yang telah melebihi seribu orang ketika ini, ianya telah menampakkan suatu perkembangan yang amat positif membuktikan bahawa perkhidmatan keagamaan di dalam ATM telah mula diterima dengan baik dan peranannya di dalam pertahanan negara sudah dianggap setaraf dengan kor-kor lain yang terdapat di dalam Tentera Darat

Jika dibuat statistik perbandingan dari sudut struktur organisasi KAGAT bermula dari pasukan sehingga ke Jabatanarah KAGAT, kita akan dapati banyak pertambahan keanggotaan yang telah berlaku jika dibandingkan dengan sepuluh tahun yang lalu. Ini menunjukkan bahawa KAGAT telah mula melangkah kepada organisasi yang semakin berkembang. Perbezaan yang dapat dilihat di sebahagian

unit besar ialah pertambahan anggota KAGAT dari 3 orang kepada 5 orang dengan seorang Pegawai Agama. Unit kecil masih kekal dengan 3 orang tanpa perjawatan Pegawai Agama. Bagi pusat latihan kecil, pada tahun 1987 tiada perjawatan Pegawai Agama yang diberikan berbanding dengan pusat latihan besar tetapi pada tahun 2001 telah diwujudkan perjawatan Pegawai Agama, walaupun jumlah keseluruhannya masih kekal 3 orang.²²

Perubahan yang berlaku di peringkat Briged pula ialah pertambahan perjawatan PEMAK (L) daripada seorang pada tahun 1987 kepada 2 orang pada tahun 2001 dengan jumlah keseluruhan 3 orang pada tahun 1987 kepada 4 orang pada tahun 2001 termasuk seorang Pegawai Staf 3 Agama. Peringkat Divisyen ditambah perjawatan PEMAK (L) daripada seorang tahun 1987 kepada 2 orang pada tahun 2001. PEMAK (W) telah diwujudkan perjawatan pada tahun 2001 dengan keseluruhan berjumlah 5 orang berbanding 3 orang pada tahun 1987. Peringkat Markas Latihan Tentera Darat juga berlaku perubahan sepertimana Markas Divisyen. Manakala Markas Medan Tentera Darat masih kekal seperti tahun 1987.²³

Di peringkat Perkhidmatan Tentera Laut terdapat perubahan yang agak ketara dari sudut perjawatan. Banyak pertambahan jawatan telah berlaku di dalam perkhidmatan ini. Antaranya ialah sebagaimana yang berlaku di MAWILLA 1 dan MAWILLA 2. Di kedua – dua tempat ini telah diwujudkan perjawatan Pegawai Staf 2 Agama pada tahun 2001 yang mana perjawatan ini tidak pernah wujud semenjak tahun 1987. Begitu juga di KD PELANDUK telah diwujudkan satu perjawatan

Pegawai Staf 2 Agama dan ditambah dengan PEMAK (L) dan PEMAK (W). Manakala di KD MALAYA pula diwujudkan tiga perjawatan Pegawai Staf 2 Agama berbanding seorang Pegawai Agama pada tahun 1987.

Selain daripada itu banyak markas-markas dan unit-unit baru diwujudkan di peringkat TLDM dengan perjawatan KAGAT disertakan sekali sebagaimana yang berlaku di Markas Tentera Laut. Di Markas ini sahaja telah diwujudkan dua perjawatan LLP KAGAT. Manakala di Markas Sistem Armada pula diwujudkan perjawatan seorang Pegawai Agama dan tujuh LLP KAGAT. Di PULAREK juga telah diwujudkan perjawatan seorang Pegawai Agama dan duabelas LLP KAGAT.²⁴

Jika dilihat perjawatan KAGAT di peringkat Perkhidmatan Tentera Udara, tiada berlaku sebarang pertambahan perjawatan KAGAT semenjak tahun 1987 lagi. Apa yang berlaku hanyalah pertambahan pangkalan-pangkalan udara dan skuadron-skuadron yang baru berserta dengan perjawatan KAGAT. Ini bermakna pertambahan perjawatan KAGAT hanya akan berlaku jika tertubuhnya pangkalan-pangkalan baru dalam TUDM. Sebagai contohnya ialah apabila tertubuhnya Pangkalan Udara Subang maka secara tidak langsung diwujudkan perjawatan Pegawai Agama Pasukan dan dibantu oleh tujuh anggota LLP KAGAT. Penubuhan Pangkalan Udara Gong Kedak disertakan dengan perjawatan Pegawai Staf 2 Agama dengan dibantu oleh 4 orang LLP KAGAT. Penubuhan Skn 310 TUDM, Skn 320 TUDM dan Skn 322 TUDM disertakan dengan dua perjawatan LLP KAGAT. Penubuhan Skn 323 TUDM pula menyaksikan wujudnya perjawatan seorang LLP KAGAT.

Di peringkat Jabatanarah KAGAT pula pertambahan perjawatan baru telah berlaku dengan begitu drastik sekali terutamanya kepada pegawai-pegawai Tugas Ikhtisas. Sel-sel juga bertambah berbanding dengan tahun 1987. Sel-sel yang terdapat pada tahun 1987 hanyalah Sel Nazir yang disatukan dengan Sel Istimbah. Sel Dakwah disatukan dengan Sel Latih dan Sel Hal Ehwal Masjid. Manakala Sel Penerbitan diletakkan di bawah Sel Dakwah. Sel yang berasingan dan bersendirian hanyalah Sel Kebajikan dan Penyelidikan. Dari segi perjawatan, Pegawai Staf 2 telah bertambah dari lima orang pada tahun 1987 kepada lapan orang pada tahun 2001, Pegawai Staf 3 telah bertambah dari lima orang pada tahun 1987 kepada duabelas orang pada tahun 2001, PEMAK (L) telah bertambah dari empat orang pada tahun 1987 kepada sembilan orang pada tahun 2001, PEMAK (W) telah diwujudkan perjawatan sebanyak tiga orang. Jumlah keseluruhan Pegawai Tugas Ikhtisas dan LLP KAGAT yang bertugas di Jabatanarah KAGAT pada tahun 2001 ialah tiga puluh empat orang berbanding dengan hanya enambelas orang pada tahun 1987.²⁵

Pertambahan dan peningkatan perjawatan KAGAT yang begitu ketara semenjak akhir-akhir ini membuktikan bahawa usaha – usaha yang sedang dilakukan oleh KAGAT untuk meningkatkan mutu kerja dan akhlak anggota tentera sedang berada di tahap yang amat memberansangkan. Namun demikian terdapat beberapa kelemahan yang perlu dilihat secara serius oleh pihak pengurusan dalam menangani masalah yang melibatkan pertambahan jawatan. Paling ketara ialah kebanyakan pertambahan jawatan hanya berlaku di peringkat Pembantu Agama Kanan (PEMAK).

Adapun jawatan seperti Pembantu Agama Biasa (PEMAS) dan Pembantu Agama Rendah (PEMARA) masih banyak kekosongan. Hampir kebanyakkan unit samada unit besar mahupun unit kecil atau pusat latihan besar dan pusat latihan kecil tiada perjawatan PEMAS dan PEMARA. Sedangkan Jika dilihat pada statistik yang dikembarkan ternyata unit-unit pangkalan TUDM dan TLDM memerlukan perjawatan yang merangkumi semua peringkat.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan dan perbahasan di dalam bab ini, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa peranan agama dalam Angkatan Tentera Malaysia yang pada mulanya telah dirintis oleh Guru Agama Awam suatu ketika dahulu dan perjuangan tersebut kemudiannya telah diteruskan dengan tertubuhnya KAGAT pada era tahun lapan puluhan telah banyak membawa perubahan dalam mewarnai organisasi ketenteraan di Malaysia. Adalah menjadi harapan daripada pihak kerajaan agar penubuhan KAGAT ini dapat memberikan faedah yang besar kepada kehidupan warga tentera. Peranan dan fungsi yang dimainkan oleh KAGAT diharapkan dapat meninggikan taraf profesionalisme, kekuatan tempur dan kekuatan akidah dalam diri setiap anggota tentera samada di kalangan kepimpinan atasaran mahupun anggota bawahan.

Selama ini kita sering ditonjolkan dengan corak kepimpinan tentera berlandaskan kepada ilmu dan teori yang diwarisi dari budaya penjajah, maka sudah sampai masa dan ketikanya kita mengkaji, menganalisa dan mengamalkan cara

kepimpinan dan disiplin yang yang ditunjukkan oleh Rasulullah (s.a.w.) dan juga para sahabat baginda yang menjadi contoh terbaik dan perlu menjadi kayu pengukur serta tauladan kepada semua warga ATM. Maka disinilah KAGAT perlu memainkan peranannya dalam menentukan halatuju Angkatan Tentera Malaysia di dalam mengharungi perjuangan mempertahankan negara agar niat dan matlamat perjuangan tidak menyimpang daripada apa yang telah digariskan di dalam ajaran Islam.

Seterusnya penulis berpandangan bahawa peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT dalam membangunkan akhlak, mental dan rohani warga tentera merupakan suatu perkara yang tidak boleh untuk dinafikan. Ini berdasarkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku hasil gerak kerja dakwah yang berkesan dan bersistematik. Walaupun dalam usia KAGAT yang masih muda, KAGAT telah menunjukkan serba sedikit kejayaan membentuk suasana yang murni dan positif di dalam kehidupan sehari-hari warga tentera sehingga sudah ada kedapatan sebahagian daripada mereka telah mula menjauhi budaya, tradisi dan sosial yang negatif di dalam kehidupan. Pencapaian yang sedemikian ini tidak boleh menjadikan warga KAGAT merasa puas di dalam meneruskan perjuangan menyampaikan dakwah kepada warga tentera, sebaliknya menjadi pendorong yang kuat untuk menghadapi cabaran yang lebih getir dan besar lagi pada masa hadapan.

Selain daripada itu bagi memastikan prestasi KAGAT terus bersinar, maka penulis berpandangan pihak Markas Formasi perlu menghantar dan mengemukakan kertas kerja cadangan perjawatan baru yang lebih '*relevan*' dengan situasi semasa

melalui saluran masing-masing kepada Jabatanarah KAGAT. Ini adalah kerana mereka yang berada di pasukan lebih mengetahui keperluan penambahan dari segi jumlah anggota yang diperlukan bagi melicinkan pentadbiran Pejabat Agama. Apabila keperluan-keperluan tersebut telah dapat dikenal pasti maka pihak Jabatanarah KAGAT akan mengemukakan permohonan dan cadangan kepada pihak tertinggi ATM bagi menambahkan lagi perjawatan KAGAT di formasi-formasi terutamanya perjawatan PEMAS dan PEMARA yang agak ketara kurangnya di pasukan. Setelah penulis membahaskan berkenaan dengan organisasi KAGAT, maka di dalam bab yang seterusnya penulis akan melihat pula sukatan pendidikan Islam yang telah digunakan bagi merealisasikan kehidupan berakhhlak warga tentera.

NOTA HUJUNG

- 1 KAGAT merupakan kor yang ke 14 daripada 16 kor yang terdapat di dalam Tentera Darat Malaysia.
- 2 Minit Mesyuarat Khas Majlis Angkatan Tentera yang telah diadakan di bilik mesyuarat B Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-pegawai kanan ATM bertarikh 24hb Jun 1980. Lihat juga risalah "Perihal Penubuhan Asal" h. 1. Lihat juga Arahan Pentadbiran KAGAT no 1 h.A1-1.
- 3 *Ibid.*
- 4 Terdapat peranggahan dalam menentukan tarikh sebenar penubuhan KAGAT. Ada di kalangan warga KAGAT menyatakan bahawa tarikh penubuhannya pada 16 April 1985 bersempena dengan kelulusan penubuhannya yang telah dipersetujui oleh Majlis Angkatan Tentera di dalam persidangannya kali yang ke 197. Ada pula yang berpandangan bahawa tarikh penubuhannya hanya bermula apabila ianya telah diperkenankan oleh DYMM Yang Dipertuan Agung. Jika tarikh tersebut diambil maka penubuhan KAGAT hanya bermula pada 16 April 1986.
- 5 Arahan Pentadbiran KAGAT no 1, *Ibid.*, h. F – 1. Lihat juga "Perihal Penubuhan Asal", *Ibid.*, h.1.
- 6 *Ibid.* h. 1. Lihat juga Kor Agama Angkatan Tentera (1997), *Manual Etika dan Prosedur Pelaksanaan Tugas*. Selangor: Nur Niaga Sdn. Bhd. h.429.
- 7 Penulis menyatakan demikian adalah kerana berdasarkan kepada situasi keadaan semasa yang berlaku dalam negara. Situasi yang dimaksudkan itu ialah samada situasi ketika perang ataupun situasi ketika aman. Peranan KAGAT akan berubah mengikut situasi yang wujud pada ketika itu.
- 8 *Peranan Anggota Agama Peringkat Awal Dalam ATM*. Risalah Sel Penerbitan Jabatanarah KAGAT Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur. T.T.P, T.P, TT.
- 9 *Ibid.*
- 10 Jika dalam pasukan tersebut tidak mempunyai pegawai KAGAT, maka di kalangan Anggota Lain-Lain pangkat yang paling tinggi pangkatnya akan menjadi ketua di pejabat agama pasukan.

-
- 11 Situasi yang sedemikian telah pun berakhir apabila Parti Komunis Malaya secara rasmi mengumumkan perletakan senjata pada pada 2 Dis 1989.
 - 12 Walaupun operasi menghancurkan gerakan komunis telahpun berakhir, namun gerakan-gerakan operasi yang lain masih lagi berjalan sebagaimana dahulu. Tentera telah dilibatkan dengan operasi-operasi menjaga sempadan negara, operasi pantai bagi menangani masalah pendatang asing dan juga operasi mengawal kegiatan lanun di pesisiran pantai Sabah. Kesemua operasi tersebut kebiasaannya memakan masa lebih kurang dua bulan dan ianya juga telah melibatkan anggota KAGAT untuk memberikan pengisian agama kepada warga tentera yang sedang bertugas.
 - 13 Anggota KAGAT telah dilibatkan di dalam beberapa tugas Majlis Keselamatan PBB di antaranya ialah Operasi PBB di Somalia (UNOSOM II) bermula 1993 hingga 1994, Pasukan Perlindungan PBB di Bosnia-Herzegovina (UNPROFOR) bermula 1993 hingga 20 Disember 1995, *Implementation Force Bosnia-Herzegovina* (IFOR) bermula Disember 1995 hingga 20 Disember 1996 dan *Stabilization Force Bosnia-Herzegovina* (IFOR) bermula 21 Disember 1996 hingga 1998.
 - 14 *Manual Etika dan Prosedur Pelaksanaan Tugas.* op.cit., h. 480.
 - 15 *Ibid.*
 - 16 *Ibid.*
 - 17 *Ibid.*
 - 18 Kor Agama Angkatan Tentera (1990), *Panduan Pengurusan Jenazah Umum dan Di Medan.* Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan. h. 24.
 - 19 *Ibid.* h. 26.
 - 20 Penulis berpandangan bahawa yang lebih praktikalnya ialah dengan mengapangkan mayat tersebut dengan baju celorengnya sahaja. Mayat tersebut hendaklah dianggap mati syahid. Ianya tidak perlu dimandi, dikapan dan disembahyangkan. Disinilah peranan KAGAT untuk membetulkan niat anggota tentera supaya mereka memasang niat ketika berlakunya perperangan dengan niat Jihad Fi Sabil Lillah kerana mempertahankan agama dan negara daripada pencerobohan kuasa asing. Jika ianya berlaku demikian maka secara zahirnya kita boleh beranggapan bahawa mereka telah gugur syahid dan segala tuntutan fardhu kifayah akan tergugur dengan sendirinya.

-
- 21 Sel Anggota Jabatanarah KAGAT, *Perjawatan KAGAT sehingga Dis 2001*. Kuala Lumpur : Jabatanarah KAGAT Kementerian Pertahanan Malaysia.
 - 22 Markas Tentera Darat, *Perjawatan KAGAT sehingga Dis 2001*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia, h. B – 16.
 - 23 *Ibid.*, h. B – 1.
 - 24 Markas Tentera Laut, *Perjawatan KAGAT sehingga Dis 2001*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.
 - 25 Sel Anggota Jabatanarah KAGAT, *op.cit.*